

Pas ada niat tersembunyi

Oleh ZULKIFLI JALIL

KUALA LUMPUR 29 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pindaan Perlembagaan Persekutuan mengurangkan kuasa raja pada 1993 bukan bermotif balas dendam seperti yang cuba dilakukan oleh kerajaan Pas Kelantan ketika ini.

Menurut Perdana Menteri, usaha Kerajaan Pusat pada 1993 itu hanya semata-mata berniat menjaga kepentingan orang ramai daripada perbuatan bercanggah dengan undang-undang yang dikhuatiri dilakukan oleh raja-raja.

Sebaliknya, tegas beliau, tindakan kerajaan Kelantan untuk meminda perlembagaan Undang-Undang Tubuh bagi membataskan kuasa dan fungsi Sultan Kelantan mempunyai niat tersembunyi.

"Kita buat dengan niat lain, bukan niat fasal perkara remeh-temeh seperti macam nak balas dendam. Kalau mereka (Pas Kelantan) mempunyai niat sama dengan kita untuk menghalang perlaku-

an jenayah oleh raja-raja, sepatutnya dahulu lagi mereka sudah luluskan undang-undang ini. Kenapa sekarang baru nak luluskan, macam ada niat lain," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan hadiah kepada para pemenang Kejohanan Ekuestrian Antarabangsa Tenaga Nasional Berhad (TNB) 2001 di Selangor Polo & Riding Club di Jalan Ampang Hilir di sini hari ini.

Perdana Menteri ditanya mengenai tindakan kerajaan Pas Kelantan yang sering menggunakan nama beliau dan Kerajaan Pusat dalam usaha mendesak Sultan Kelantan menandatangani pindaan Undang-Undang Tubuh Negeri.

Dalam usahanya itu, Pas menegaskan bahawa tindakan membataskan kuasa dan fungsi Sultan Kelantan yang diluluskan pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) 25 Jun lalu semata-mata untuk menyelaraskannya dengan pindaan perlembagaan 1993.

Semalam, Tengku Ra-

zaleigh Hamzah berkata, Sultan Kelantan masih kekal dengan pendiriannya enggan memperkenankan pindaan undang-undang tubuh negeri itu.

Menurut Tengku Razaleigh, baginda tidak peduli mengenai pindaan tersebut kerana terkilan dengan perjalanan proses pindaan yang didakwa tidak mengikut prosedur undang-undang yang betul.

Mengulas keengganan Sultan Kelantan itu, Dr. Mahathir berkata, jika itu pendirian baginda, maka pindaan yang diluluskan oleh DUN Kelantan itu tidak akan menjadi undang-undang.

Menurut Perdana Menteri lagi, prosedur ke arah pindaan perlembagaan tersebut tidak berbeza dengan pindaan 1993 iaitu DUN membuat dan meluluskan undang-undang tetapi memerlukan perkenan sultan.

"Cuma, kita (Kerajaan Pusat) buat pindaan dahulu bukan ada niat apa-apa tetapi cuma untuk mencegah sebarang perbuatan jenayah oleh raja-raja," katanya.

Tengku Razaleigh da-

lam ucapannya kepada 3,000 hadirin bagi menjelaskan isu pindaan perlembagaan itu di Sekolah Menengah Sultan Ibrahim 11, Pasir Mas, Jumat lalu berkata, tindakan untuk meminda perlembagaan itu lebih bersifat balas dendam oleh Pas.

Ini ekoran tindakan Sultan Kelantan menarik balik darjah kebesaran dua Exco iaitu Pengerusi Jawatankuasa Pentadbiran Awam, Kerajaan Tempatan, Pembangunan Wilayah, Takiyuddin Hassan dan Muhammad Daud, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Dakwah dan Islam.

Semasa kerajaan Barisan Nasional (BN) mencadangkan pindaan ke atas Perlembagaan Persekutuan bagi mengurangkan imuniti raja-raja Melayu pada 1993, kerajaan Kelantan pimpinan Pas tidak menyokong tindakan itu.

Pas memerintah Kelantan sejak memenangi negeri itu daripada tangan Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum 1990.

— PM